

# UMS HOS BEBERAPA ACARA MASUM

Dengan julung kalinya, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah diberikan kepercayaan dan tanggungjawab untuk menganjurkan kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) Sirkuit II bagi acara Trek & Padang, Memanah dan Renang.

Sirkuit tersebut telah menarik penyertaan daripada 12 IPTA dan satu IPTS, yang mengumpulakan seramai 208 pegawai dan atlet universiti-universiti di seluruh Malaysia.

Majlis perasmian dan makan malam disempurnakan oleh Prof. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin, yang ketika itu Timbalan Naib Canselor (HEP), yang mewakili Naib Canselor pertama UMS, pada 5 Feb 2005.

Dalam kejohanan tersebut, UMS telah dibantu sepenuhnya oleh Persatuan Olahraga Amatur Sabah, Persatuan Renang Sabah dan Persatuan Memanah Sabah.

*Oleh : Azman Soaibah*